

PEJABAT sementara pusat pentadbiran daerah Kuala Nerus.

Jadikan daerah contoh

erah ini juga emperlihatkan tensi perkembangan rniagaan masyarakat elayu yang turut rlu diberi penekanan ar mereka boleh emperlihatkan nbang kejayaan."

I RAZIK
awai Daerah Kuala Nerus

PENTADBIRAN daerah Kuala Nerus mula beroperasi 1 Januari lalu dengan menyaksikan Azmi Razik turut mencipta sejarah tersendiri dalam penubuhan daerah kelapan di negeri ini, selaku pegawai daerahnya yang pertama.

Azmi, 55, lulusan dalam bidang sains sosial Universiti Kebangsaan Malaysia yang sebelum ini bertugas sebagai Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Terengganu dan Pengarah Yayasan Pembangunan Usahawan, diberi kepercayaan memikul tanggungjawab itu.

Azmi menerajui operasi awal Pejabat Daerah Kuala Nerus dengan meminjam ruang Pejabat Daerah Kuala Terengganu bersama 63 pegawai dan kakitangan, sebelum berpindah ke pejabat sementara di premis Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) Utara tidak lama lagi.

Beliau pastinya sedar harapan yang tinggi turut disandarkan kepadanya agar daerah yang pesat berkembang ini bakal melalui proses pembangunan terancang dan kesehjateraan masyarakat dipertingkatkan dengan prasarana lebih kondusif.

Tiada tempoh bulan madu bagi kami dalam memastikan semuanya tidak menjadi omongan sahaja dan kewujudan jentera pentadbiran daerah ini dapat benar-benar memberikan impak.

Dengan nada yakin, beliau menegaskan pihaknya akan berusaha menterjemahkan harapan kepemimpinan negeri bagi menjadikan Kuala Nerus sebagai satu daerah contoh yang boleh dibanggakan oleh kerajaan dan penduduk.

Walaupun hasilnya bukan boleh dijelmakan dalam waktu yang pantas, tempoh tiga tahun sebelum siapnya pusat pentadbiran daerah yang dianggarkan menelan kos sekitar RM40 juta, mungkin boleh menjadi pengukur awal.

"Sekarang usaha perlu terarah untuk meletakkan asas yang kuat, supaya Kuala Nerus berkembang secara tersusun dengan pendekatan inklusif, mendasari rakyat, seiring dengan Transformasi Terengganu Baharu (TTB) dalam usaha meningkatkan tahap kesejahteraan hidup rakyat.

"Tiada tempoh bulan madu bagi kami dalam memastikan semuanya tidak menjadi omongan sahaja dan kewujudan jentera pentadbiran daerah ini dapat benar-benar memberikan impak.

"Kami mengadakan perbincangan bersama para pegawai dan kakitangan bagi mengumpulkan pelbagai maklumat tentang kekuatan dan kelemahan bagi menggerakkan jentera pentadbiran dan berperanan bersama jabatan serta agensi kerajaan yang lain," ujarnya ketika ditemui baru-baru ini.

Daerah yang sekian lama dikaitkan dengan masyarakat petani dan nelayan ini memiliki aset yang besar dengan kewujudan pusat-pusat pengajian tinggi dan kemahiran yang boleh memperkukuhkan perannya sebagai lembah ilmu, di samping pantai dan pulaunya turut menjadi hamparan pelancongan.

"Daerah ini juga memperlihatkan potensi perkembangan perniagaan masyarakat Melayu yang turut perlu diberi penekanan agar mereka boleh memperlihatkan lambang kejayaan," ujarnya.

Dengan arus pembangunan yang pesat, soal persediaan mental dan kerohanian perlu seiring agar mereka dapat memanfaatkan perubahan ke arah meningkatkan kehidupan dalam persekitaran yang selesa dan bersih.

"Kami mahu penduduk melihat kewujudan daerah baharu sebagai satu peluang untuk memajukan diri sebagai usahawan dalam pelbagai bidang, bukannya sebagai pemerhati. Bukan sekadar terikut-ikut mengusahakan keropok dan inap desa dan kedai makan.

"Mereka perlu memanfaatkan sumber tanah yang dimilik untuk memberi pulangan hasil besar dalam jangka masa panjang dan tidak mengambil jalan mudah menjual-

nya disebabkan tarika
gi," ujarnya.

Sementara itu,
bagai jentera yang m
kan kerajaan dengan
pihaknya akan turu
penekanan terhadap
Jawatankuasa Kemaju
selamatan Kampung
dapat berfungsi deng
dan lebih dihormati.

"Selaku jentera ke
ringkat akar umbi, per
tindakan J3K yang tid
oleh masyarakat bo
minkan imej kerajaa
segala perancangan
terarah kepada usaha
yang terbaik buat raky

Daerah baharu ini
da di bawah MBKT
berkuasa tempatan y
rus mengawal selia d
kan perkhidmatan pe

"Kami berharap
fizikal seperti kemu
raya, kedai-kedai, as
han, pencahayaan d
dapat dipertingkatka
samping memastikan
agensi lainnya turut
bersama," ujarnya.